

Insurans PERKESO sasar lindungi sejuta individu kerja sendiri

Kerajaan tanggung
80 peratus
daripada jumlah
dicarum bagi
dapatkan manfaat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan menasar sekurang-kurangnya sejuta ahli Keluarga Malaysia yang bekerja sendiri, bakal mendapat perlindungan insurans di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata melalui program itu, kerajaan akan menanggung sebanyak 80 peratus daripada jumlah yang perlu dicarum oleh individu terbabit.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga bersetuju untuk mewajibkan penyediaan Taska Tempat Kerja di setiap sektor awam Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan Badan Berkanun sebelum ia diperluaskan ke sektor swasta.

"Kerajaan menyediakan geran tahunan RM10 juta pada 2019 dan RM30 juta sejak 2020 bagi ini-



Kerajaan terus memperluaskan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri bagi memberi perlindungan tambahan kepada individu yang bekerja sendiri dalam pelbagai sektor. (Foto hiasan)

siatif ini yang akan memberi kelegaan kepada pekerja yang mempunyai anak kecil," katanya menerusi Perutusan Khas .Sempena Hari Pekerja 2022 yang disiarkan secara langsung melalui stesen televisyen RTM, semalam.

Kedua-dua inisiatif itu adalah sebahagian daripada empat inisiatif yang dipersetujui kerajaan sempena sambutan Hari Pekerja 2022 yang disambut semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju memulakan Program Pembiayaan Insu-

rans Kenderaan Keluarga Malaysia (MyEzCover.com) mulai semalam.

Katanya, pakej pembiayaan secara ansuran sehingga 10 bulan itu tanpa sebarang caj faedah, ditawarkan kepada penjawat awam terlebih dahulu sebelum diperluaskan kepada sektor swasta.

"Program ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama PERKESO dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)," katanya.

"Kerajaan sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan Keluarga Malaysia dapat meneruskan kehidupan termasuk Program Subsidi Upah (PSU) dan Program Pengkelan Pekerjaan (ERP)

Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri



kerjasama Keluarga Malaysia untuk sama-sama berganding bahu memulihkan ekonomi negara ketika pasca COVID-19.

Beliau berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan Keluarga Malaysia dapat meneruskan kehidupan termasuk Program Subsidi Upah (PSU) dan Program Pengkelan Pekerjaan (ERP).

Katanya, melalui PSU, sebanyak RM20.34 bilion sudah disalurkan bagi membantu lebih 350,000 majikan di seluruh negara, sekali gus membolehkan seramai 2.95 juta pekerja kekal dalam sektor pekerjaan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, pembukaan semula sempadan negara memberi ruang kepada pengambilan semula tenaga kerja asing dalam sektor tertentu terutama sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) namun tindakan itu bukan berhasrat membelakangkan pekerja tempatan.

Katanya, satu mekanisme komprehensif akan dirangka untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing supaya warga tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu.

"Kementerian Sumber Manusia telah diminta supaya meneliti dan mengkaji aspek ini agar pekerja tempatan mendapat manfaat dengan menambah baik kadar gaji, pakej pekerjaan dan kemajuan kerjaya," katanya.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan gaji minimum RM1,500 berkuat kuasa semalam juga adalah hadiah kepada golongan pekerja atas dedikasi tanpa jemu dalam membangunkan ekonomi negara.

Terdahulu, ketika mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua warga pekerja di negara ini, Perdana Menteri berkata, tema sambutan tahun ini iaitu 'Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara' mencerminkan aspirasi kesepa-duan, kesepakatan dan jalinan